

**PERSEPSI '*STAKEHOLDERS*' TERHADAP ASPEK
PELAKSANAAN DAN KERJASAMA DALAM
PROGRAM KIA2M SEKOLAH RENDAH
DAERAH BEAUFORT, SABAH.**

HASANAH BINTI KEPLI



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


HASANAH BINTI KEPLI

PT20078073

5 JUN 2009



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA



DR. HABSAH HUSSIN
SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : PERSEPSI 'STAKEHOLDERS' DALAM ASPEK PELAKSANAAN DAN KERJSAMA PROGRAM KIA2M DI SEKOLAH RENDAH DAERAH BEAUFORT, SABAH.

IJAZAH: IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : HASANAH BINTI KEPLI

SESI PENGAJIAN : 2007/2009

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi,
4. sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

/

TIDAK TERHAD

Juliza
JULIZA RAMZI
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

Hasanah
(HASANAH BINTI KEPLI)

Hasanah
(DR. HASBAH BINTI HUSSIN)

Tarikh: 26 JULAI 2009

Tarikh: 3/8/2009.

CATATAN:- * Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan-Nya Nabi Muhammad S.A.W., juga keluarga dan sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah, dengan hidayah dan segala kekuatan fizikal, mental serta spiritual yang dikurnia Allah S.W.T ke atas pengkaji, maka dapatlah kajian peringkat sarjana ini disempurnakan seperti yang dirancang. Walaupun hasil akhir kajian dapat dikongsi melalui dokumentasi ini, tetapi ilmu dan kemahiran yang diperolehi dalam proses pengkajian itulah jauh lebih bernilai dan memberi kesan mendalam terhadap perkembangan intelektual, emosional dan spiritual pengkaji.

Dengan itu pengkaji ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Habsah Hussin sebagai penyelia yang telah memberikan bimbingan dan kepercayaan untuk meneroka bidang keilmuan yang tiada batasnya. Di samping itu, penghargaan juga dirakamkan kepada semua pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS yang telah secara langsung membantu dan membimbing menyelesaikan kajian ini. Kepada En. Rosli Talib, Pn. Norimah Sadih, Cik. Nur Mazhani Mohamed, Pn. Rosmayati Abu dan Pn. Azizah Salleh yang menjadi rakan berbincang, saya doakan semoga Allah S.W.T melimpahi mereka dengan ilmu yang bermanfaat. Pasti ada individu lain yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung menjayakan kajian ini, dengan itu saya dengan rasa rendah hati merakamkan ucapan terima kasih.

Kepada suami yang tersayang, Yaakub Bin Malek dan anak-anak yang dikasihi, Muhammad Khairun, Khairunnisa dan Khairina Najihah, yang telah menyediakan ruang dan peluang untuk dimanfaatkan, benar-benar memberikan inspirasi yang tiada hujungnya kepada pengkaji. Semoga Allah S.W.T. mengampuni dan memberkati keluarga kami. Amiin....

ABSTRAK

PERSEPSI 'STAKEHOLDERS' TERHADAP ASPEK PELAKSANAAN DAN KERJASAMA DALAM PROGRAM KIA2M SEKOLAH RENDAH DAERAH BEAUFORT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti atau melihat perbezaan persepsi antara pentadbir, guru Bahasa Melayu, guru Pendidikan Seni Visual Tahun 1, guru Pendidikan Muzik dan guru Pendidikan Jasmani & Kesihatan dari aspek pelaksanaan dan kerjasama terhadap Program KIA2M. Selain daripada itu kajian turut juga mengkaji persepsi pengalaman kerja terhadap pelaksanaan Program KIA2M. Disamping itu, hubungan antara pelaksanaan dan kerjasama terhadap pelaksanaan Program KIA2M turut dikaji. Kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik dan kaedah temubual diaplikasikan dalam kajian ini. Seramai 180 responden kajian yang terdiri daripada 60 orang pentadbir (Guru Besar & Guru Penolong Kanan 1), 30 orang guru Bahasa Melayu Tahun 1, 30 orang guru Pendidikan Seni & Visual Tahun 1, 30 orang guru Pendidikan Muzik Tahun 1 dan 30 orang guru Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Tahun 1 dan seramai 5 orang guru telah ditemubual. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min), inferens (Ujian-t), ANOVA Sehalu dan Korelasi Pearson.

ABTRACT

THE PERCEPTION OF STAKEHOLDERS BASED ON IMPLEMENTATION AND COOPERATION OF KIA2M PROGRAMME PRIMARY SCHOOL BEAUFORT DISTRICT

The objective of this research is to identify the perception of school administrators, Bahasa Melayu (BM) teachers, Pendidikan Seni Visual (PSV) teachers, Music(MK) teachers and Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJK) teachers based on implementation and cooperation of KIA2M programme. This research also discuss about the influence of teaching experience. Next , the research is to find the correlation between implementation and cooperation with KIA2M programme. This researched used observation methodology. Survey and interview a used as the instrument of research. 160 sample are choosen randomly among the school administrators and teachers. There are 60 persons from administrators, 30 persons from BM teachers, 30 persons from PSV teachers, 30 persons from MK teachers and 30 persons from PJK teachers. The data were analysed using descriptive statistic (mean) are inferential statistic one way ANOVA, t- Test and Pearson Correlation. .

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
GB	Guru Besar
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Membaca Dan Menulis
MK	Muzik
PK1	Penolong Kanan Pentadbiran 1
PSV	Pendidikan Seni & Visual
PJK	Pendidikan Jasmani & Kesihatan
SK	Sekolah Kebangsaan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	Halaman
PENGAKUAN CALON	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI SINGKATAN	vi
KANDUNGAN	vii
LAMPIRAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	
1.4 Tujuan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Soalan Kajian	
1.7 Hipotesis Kajian	
1.8 Limitasi Kajian	5
1.9 Kepentingan Kajian	
1.10 Definisi Operasi	6
1.11 Rumusan	11
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Teori Dan Model	
2.3 Definisi Konsep	15
2.4 Kajian Lepas	19
2.5 Kerangka Kajian	22
2.6 Rumusan	23
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Rekabentuk Kajian	
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	25
3.4 Instrumen Kajian	26
3.5 Prosedur Kajian	28
3.6 Pengumpulan Data	29
3.7 Penganalisan Data Soal Selidik	

3.8	Analisis Data Temubual	33
3.9	Rumusan	34

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	35
4.2	Kebolehpercayaan (Realibility) Borang Soal Selidik	36
4.3	Demografi Responden	37
4.4	Pengujian Hipotesis	
4.5	Hasil Kajian Temubual	43
4.6	Rumusan	47

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN HASIL KAJIAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	49
5.2	Rumusan Kajian	
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	53
5.4	Cadangan	55

<i>Bibliografi</i>		59
--------------------	--	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

LAMPIRAN

Halaman

Lampiran 1A	:	Borang Soal Selidik	66
Lampiran 1B	:	Borang Soalan Temubual	72
Lampiran 2A	:	Analisis Data SPSS	74
Lampiran 2B	:	Keputusan Kajian Rintis	88
Lampiran 3	:	Maklumat Dari PPD Beaufort	90
Lampiran 4	:	Rekod Perjumpaan Bersama Penyelia	92
Lampiran 5A	:	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Kementerian Pelajaran Malaysia	95
Lampiran 5B	:	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	96
Lampiran 5C	:	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Pejabat Pelajaran Daerah Beaufort	97
Lampiran 6	:	Pengesahan Item Soal Selidik	98

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Jadual Waktu Murid KIA2M	10
Jadual 2.1	Kadar Literasi / Kebolehan Membaca 1991 dan 1996 Mengikut Jantina dan Lokasi	21
Jadual 3.1	Jadual Skala Likert	27
Jadual 3.2	Panduan Interpretasi Keteguhan Hubungan Antara Dua Pembolehubah: Keofisien Korelasi Pearson	32
Jadual 4.1	Taburan Kebolehpercayaan Item Pengukuran	37
Jadual 4.2	Taburan Umur	38
Jadual 4.3	Pengalaman Mengajar Responden	38
Jadual 4.4	Tugas/Jawatan Responden	40
Jadual 4.5	Taburan Responden Menghadiri Kursus	40
Jadual 4.6	Aspek Pelaksanaan	41
Jadual 4.7	Aspek Kerjasama	41
Jadual 4.8	Perbezaan Persepsi Berdasarkan Pengalaman Mengajar	42
Jadual 4.9	Hubungan Mengikut Pelaksanaan dan Kerjasama	43

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Carta Alir Kelas KIA2M	7
Rajah 1.2	Penggabungjalinan Kemahiran dari Beberapa Mata Pelajaran	11
Rajah 2.1	Strategi Pengajaran & Pembelajaran KIA2M	16
Rajah 2.2	Kerangka Kajian	22
Rajah 3.1	Populasi dan Sampel Kajian	26
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	29
Rajah 3.3	Teknik Pengumpulan Data	30
Rajah 4.1	Pengalaman Mengajar Responden	39



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Masalah literasi atau celik huruf memerlukan perhatian serius kerana masalah ini merupakan prasyarat kemahiran asas membaca yang boleh membawa kepada kejayaan pendidikan dan pembelajaran seterusnya. Kata orang bijak pandai " Kunci untuk mendapatkan pengetahuan adalah daripada pembacaan dan penulisan." Kepada kanak-kanak, keupayaan membaca dan menulis sejak usia tiga tahun merupakan satu kelebihan kepada diri sendiri dan kebanggaan kepada keluarga. Minat membaca kanak-kanak ada kaitan dengan keupayaan mereka berbahasa.

Secara umumnya, kanak-kanak boleh membaca dengan lancar akan suka pada buku seterusnya menjadikan aktiviti membaca sebagai satu hobi yang menarik. (Zahir Zainudin, 2006). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid Tahun 1 masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Program 'Pemulihan Dalam Kelas KBSR' dan juga 'Pemulihan Khas' diwujudkan untuk mengatasi kelemahan ini.

Namun, masih terdapat juga segelintir murid yang tidak mampu menguasai kemahiran membaca dan menulis. Kementerian Pelajaran memandang serius masalah ini. Pusat Perkembangan Kurikulum telah merancang satu lagi langkah iaitu dengan melaksanakan Program Kelas Intervensi Awal Membaca Dan Menulis (KIA2M). Murid Tahun 1 yang mengikuti Program KIA2M ini akan diajar mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran yang disusun khas, sesuai dengan tahap kebolehan dan pencapaian mereka.

Asas kemahiran berbahasa di kalangan murid-murid sekolah rendah perlu dibina dengan jelas dan kukuh. Penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tetapi juga memudahkan pemahaman murid dalam menguasai mata pelajaran lain. Selain membantu murid dalam proses pembelajaran , penguasaan kemahiran ini juga perlu dalam kehidupan murid setelah tamat

persekolahan. Melahirkan pelajar yang cekap, pembaca yang kritis adalah impian ibu bapa dan guru.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kebolehan membaca adalah satu kemahiran yang menjadi punca kepada pembelajaran yang berkesan dalam berbagai bidang. Malah kebanyakan penyelidikan yang dijalankan setakat ini menunjukkan bahawa pencapaian dalam bidang bacaan mempunyai pertalian dengan pencapaian dalam bidang-bidang pelajaran yang lain, yakni kebolehan membaca mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran lain (Azman Wan Chik, 1986). Menyedari hakikat inilah maka masalah murid tidak boleh membaca dan tidak cekap membaca di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah telah menjadi satu masalah yang sangat membimbangkan.

Mesyuarat Memperkasa Sekolah Kebangsaan pada 22 November 2005 telah mengambil ketetapan supaya masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dan menulis di kalangan murid tahun satu ditangani segera. Justeru itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha mengatasi masalah ini. Program KIA2M wajib dijalankan pada 2- 7 April 2006. (Kertas Konsep Pelaksanaan KIA2M, 2006)

Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) adalah satu program alternatif untuk menyelesaikan masalah penguasaan kemahiran membaca dan menulis ini. Penguasaan ini perlu dijalankan selama 3 bulan atau 6 bulan. Murid yang lulus Ujian Perlepasan akan dimasukkan ke kelas biasa dan mengikuti pelajaran tahun satu seperti biasa.

Setelah tamat mengikuti program KIA2M ini, diharapkan murid dapat mengecam dan mengenal huruf dengan tepat, mengeja dan menyebut setiap perkataan dan ayat tunggal dengan sebutan yang betul dan memahami perkara yang dibaca.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini memfokuskan isu utama iaitu melihat persepsi pentadbir, guru KIA2M dan guru yang terlibat dengan program KIA2M dalam menangani masalah asas membaca di sekolah rendah. Masalah buta huruf di kalangan murid tahun satu agak ketara. Hasil kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati 138,271 murid

tahun satu di Semenanjung Malaysia tidak dapat menguasai asas membaca dan menulis. Hal ini sungguh membimbangkan kerana memberi impak yang negatif ketika murid tersebut melangkah ke tahun dua nanti. (dalam Md. Fuzi Abd Lateh, 2007)

Utusan Malaysia (9 Oktober 2006) memetik pendedahan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), N. Siva Subramaniam yang menyatakan bilangan pelajar lemah membaca adalah terlalu ramai iaitu menjangkau jumlah lebih daripada 500,000 orang pelajar yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar tahun enam. Menurut Utusan Malaysia, jumlah ini mewakili 25% daripada 2 juta pelajar sekolah rendah.

Isu kerjasama guru juga masalah yang hendak dikaji dalam kajian ini. Adakah guru-guru telah memberi kerjasama yang padu untuk melaksanakan program KIA2M ini. Adakah program ini hanya membebankan tugas guru. Datuk Ahmad Sipon, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia berharap agar warga guru mesti menjalankan tanggungjawab dan usaha keras demi membanteras buta huruf di kalangan murid. Matlamat program KIA2M ini untuk memastikan 100 peratus murid tahun satu menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu sebelum melangkah ke tahun dua.

"Selepas tamat mengikuti program intervensi ini diharapkan murid dapat mengecam dan mengenal huruf dengan tepat, mengeja dan menyebut setiap perkataan serta ayat tunggal dengan betul dan memahami perkara yang dibaca." (dalam Md.Fuzi Abd.Lateh,2007).

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian awal untuk mendapat gambaran tentang persepsi pentadbir, Guru Bahasa Melayu (KIA2M) dan Guru Pendidikan Seni Visual (PSV), Guru Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJK) dan Guru Pendidikan Muzik (MK) terhadap pelaksanaan program KIA2M dalam meningkatkan prestasi literasi membaca dan perbezaan persepsi mengikut pengalaman bekerja. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara kerjasama dengan pelaksanaan program KIA2M. Melalui hasil kajian ini juga, penyelidik akan dapat menyatakan dapatan yang mungkin berguna bukan sahaja kepada Pejabat Pelajaran Daerah Beaufort, malah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, serta kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang sentiasa ingin memajukan pendidikan di Malaysia.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidik menggariskan empat objektif dalam kajian ini:

- 1.5.1 Menenal pasti perbezaan persepsi terhadap aspek pelaksanaan program KIA2M antara pentadbir, guru Bahasa Melayu (BM), guru Pendidikan Seni & Visual (PSV), guru Pendidikan Muzik (MK) dan guru Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJK).
- 1.5.2 Menenal pasti perbezaan persepsi dalam aspek kerjasama program KIA2M antara pentadbir, guru BM, guru PSV, guru MK dan guru PJK.
- 1.5.3 Menenal pasti perbezaan persepsi berdasarkan pengalaman mengajar antara pentadbir, guru BM, guru PSV, guru MK dan guru PJK.
- 1.5.4 Menenal pasti hubungan antara pelaksanaan dengan kerjasama program KIA2M.

1.6 SOALAN KAJIAN

- 1.6.1 Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap aspek pelaksanaan program KIA2M antara pentadbir, guru BM, Guru Pendidikan Seni & Visual (PSV), guru Pendidikan Muzik (MK) dan guru Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJK).
- 1.6.2 Adakah terdapat perbezaan persepsi dalam aspek kerjasama program KIA2M antara pentadbir, Guru BM, Guru PSV, Guru MK dan Guru PSV.
- 1.6.3 Adakah terdapat perbezaan persepsi berdasarkan pengalaman mengajar antara pentadbir, guru BM, guru PSV, guru MK, dan guru PJK.
- 1.6.4 Adakah terdapat hubungan antara pelaksanaan dengan kerjasama program KIA2M?

1.7 HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap aspek pelaksanaan program KIA2M antara pentadbir, guru BM, Guru Pendidikan Seni & Visual (PSV), guru Pendidikan Muzik (MK) dan guru Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJK).

- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap aspek kerjasama program KIA2M antara pentadbir, guru BM, guru PSV, guru MK dan guru PJK.
- H03: Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan dalam persepsi terhadap pengalaman mengajar antara pentadbir, guru BM, guru PSV, guru MK dan guru PJK.
- H04: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan dan kerjasama dalam program KIA2M.

1.8 LIMITASI

Tumpuan kajian hanya merangkumi aspek pelaksanaan program KIA2M dan kerjasama pihak yang terlibat dan hubungan antara pembolehubah tersebut. Masalah kajian yang dikaji adalah terbatas kepada item-item yang disenaraikan dalam borang soal selidik sahaja dan soalan yang dikemukakan ketika sesi temubual. Hanya kemahiran membaca dikaji dalam kajian ini.

Kajian ini dibataskan kepada pentadbir iaitu guru besar dan penolong kanan 1, guru BM, PJK, PSV dan MK tahun satu yang terlibat dengan pelaksanaan Program KIA2M di daerah Beaufort. Pemilihan subjek dalam kajian ini dianggap relevan dengan topik kajian. Ini kerana pentadbir, guru Bahasa Melayu, PJK, PSV dan MK adalah pihak yang bertanggungjawab penuh bagi memastikan pelaksanaan program dapat dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai matlamat yang telah digariskan.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Semua negeri di Malaysia ketika ini menghadapi masalah murid kurang mahir membaca. Justeru itulah, apabila program ini diperkenalkan secara tidak langsung keinginan untuk mengetahui kesan pelaksanaan program amat dirasakan. Adakah program ini dapat mencapai apa yang diimpikan oleh pihak sekolah mahupun pihak kerajaan demi melahirkan anak bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Oleh itu kajian ini adalah penting untuk melihat persepsi pentadbir dan guru dalam pelaksanaan Program KIA2M dalam meningkatkan prestasi bacaan di sekolah ini, daerah Beaufort mahupun negeri Sabah.


1.10 DEFINISI OPERASI

1.10.1 Program KIA2M

Program KIA2M adalah satu rancangan yang dirancang untuk dilaksanakan bagi membolehkan murid membaca dan menulis. KIA2M bermaksud Kelas Intervensi Awal Membaca Dan Menulis. Kelas Program ini dijalankan secara sepenuh masa oleh guru Bahasa Melayu tahun satu selama 3 bulan, 6 bulan dan sepanjang tahun satu. Murid akan menjalani proses mengeja, menyebut, dan menulis sukukata perkataan serta ayat. Matlamat utama KIA2M ini adalah memastikan 100% murid tahun satu menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

Mesyuarat Memperkasa Sekolah Kebangsaan pada 22 November 2005 telah mengambil ketetapan supaya masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dan menulis di kalangan murid tahun satu ditangani segera. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha mengatasi masalah ini. Satu program alternatif telah dirancang untuk menyelesaikan masalah penguasaan kemahiran membaca dan menulis. Program ini diberi nama : Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (Kertas Konsep Pelaksanaan KIA2M, 2006)

Setelah tamat mengikuti program intervensi ini, diharapkan murid dapat menguasai kemahiran membaca. Contoh Carta Alir Kelas KIA2M dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.1 di bawah:



Rajah 1.1: Carta Alir Kelas KIA2M

1.10.2 Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca adalah satu kebolehan menamakan huruf dan membunyikan vokal, membaca suku kata, memahami perkataan, ayat dan perenggan. Istilah membaca adalah merupakan satu proses menggarap makna dan memahami gabungan maklumat yang diperolehi daripada teks dan pengetahuan sedia ada (latarbelakang pengalaman) yang dimiliki oleh pembaca.

Membaca adalah proses yang aktif dan kemahiran bahasa yang paling penting dikuasai pada peringkat awal. Penguasaan yang mantap dalam kemahiran ini membantu pelajar meneroka pengetahuan yang lebih mendalam dan boleh mengungkapkan dimensi baru dalam berfikir. Ini kerana membaca dan menguasai ilmu mempunyai kaitan yang rapat dan sangat saling bergantung. (Yahya Othman, 2007)

1.10.3 'Stakeholders'

'*Stakeholders*' adalah bermaksud pihak-pihak yang berkepentingan dengan sesuatu. Dalam konteks Program KIA2M ini, '*stakeholders*' ialah pihak pentadbir, guru-guru yang terlibat dalam Program KIA2M, ibu bapa, dan murid-murid tahun satu. Peranan '*stakeholders*' dalam sesuatu program amat penting untuk menjayakan dan mencapai matlamat yang telah dirancang.

1.10.4 Pentadbir, Guru Bahasa Melayu, Guru PSV, Guru MK Dan Guru PJK

a. Pentadbir

Pentadbir adalah terdiri daripada ketua majikan di sekolah iaitu Guru Besar dan Penolong Kanan Pentadbiran 1. Dalam pelaksanaan program KIA2M ini, guru Penolong Kanan 1 adalah antara pentadbir yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini. Guru Besar dan PK1 dikehendaki memastikan perjalanan program KIA2M ini telah dijalankan di semua sekolah rendah daerah Beaufort.

b. Guru BM

Manakala Guru KIA2M pula adalah guru Bahasa Melayu yang mengajar di tahun satu sedia ada. Tiada penambahan guru baru. Guru Bahasa Melayu

mengajar sebanyak 12 waktu seminggu. Guru Bahasa Melayu tahun satu mengajar mengikut kemahiran yang ditetapkan dan merancang pengajaran mengikut kebolehan murid. Guru hendaklah membimbing murid yang lemah dan memberi pengukuhan pada murid yang telah menguasai kemahiran membacai. Murid diajar perkara berikut supaya dapat menguasai kemahiran asas membaca dan menulis iaitu mendengar sebutan, mengenal, menyebut dan membunyikan huruf dan suku kata. Selain daripada itu, murid juga membina, mengeja dan membaca perkataan dan ayat. Akhir sekali menulis huruf, suku kata, perkataan dan ayat.

c. Guru PSV

Guru Pendidikan Seni Visual juga dilibatkan dalam kajian ini. Hanya guru PSV yang mengajar tahun satu sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Guru PSV dikehendaki mengajar BM/PJK selama 2 waktu seminggu atau 1 jam seminggu. Contoh aktiviti Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum adalah seperti berikut iaitu Membentuk binaan: bentuk abjad guna 'play dough'/plastisin, Catan : melukis bentuk-bentuk abjad, suku kata, Capan: mengecap bentuk, dan Tampalan : menampal bentuk abjad dan kolaj.

d. Guru MK

Guru Muzik yang mengajar tahun satu sahaja yang dilibatkan dalam kajian. Ini adalah kerana Guru MK dikehendaki mengajar sebanyak 2 waktu seminggu atau satu jam seminggu. Antara contoh aktiviti Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum Pendidikan Muzik ialah nyanyi lagu abjad dan mengeja. Pergerakan berirama dan bunyi-bunyian berirama boleh dijalankan untuk menepati kehendak program KIA2M.

e. Guru PJK

Demikian juga halnya dengan guru Pendidikan Jasmani & Kesihatan yang mengajar di tahun satu, mereka juga dijadikan sampel dalam kajian


ini. Sebanyak 3 waktu atau 1 jam 30 minit diperuntukkan untuk membantu pelaksanaan program KIA2M. Contoh aktiviti Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum adalah dari segi Pergerakan : guna abjad, suku kata dan perkataan, Permainan Dalaman : dam abjad, suku kata dan perkataan, Aktiviti Luar : lambung dan sambut pundi kacang / bola berabjad / sukukata, dan Permainan Luar : skor gol.

Jadual 1.1: Jadual Waktu Murid KIA2M

M/Pelajaran	Waktu
Bahasa Melayu	12 waktu
BM/PJK	3 waktu
BM/MK	2 waktu
BM/PSV	2 waktu
Jumlah	19 waktu

Fokus KIA2M adalah untuk membolehkan murid menguasai kemahiran asas Bahasa Melayu secara intensif. Oleh itu konsep pengajaran Bahasa Melayu merentas kurikulum mestilah dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan strategi penggabungjalinan. Subjek Pendidikan Jasmani Kesihatan, Pendidikan Muzik dan Pendidikan Seni Visual digabungkan dengan kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Melayu.

Penggabungjalinan beberapa kemahiran dari beberapa mata pelajaran dalam beberapa pelajaran boleh dilakukan. Kemahiran-kemahiran dalam beberapa matapelajaran boleh diperkukuhkan dengan menggabungkan kemahiran-kemahiran daripada beberapa pelajaran berdasarkan sesuatu tajuk atau tema tertentu (Marzukhi Nyak Abdullah, 1994). Hal ini dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2 : Penggabungjalinan Kemahiran dari Beberapa Mata Pelajaran

1.11 RUMUSAN

Bab ini membincangkan secara ringkas tentang permasalahan kajian, tujuan dan kepentingan kajian. Kajian perlu dijalankan untuk meninjau hubungan antara pelaksanaan program KIA2M dengan kerjasama pihak yang terlibat di sekolah rendah Daerah Beaufort.

Membaca merupakan perkara yang sangat diutamakan di sekolah rendah. Kebolehan membaca bukan sahaja dianggap masyarakat sebagai asas utama bagi mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi dan sosial, malah sistem persekolahan itu sendiri menganggap bahawa kebolehan membacalah yang amat penting sebagai asas seseorang itu terus meningkat dalam persekolahan sehingga ke peringkat tinggi.

Dalam bab 2 akan diterangkan dengan lebih jelas tentang teori, model, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan dan seterusnya kerangka kajian.